

JABATAN KORPORAT
TARIKH: 24.07.2023 MASA: 03.25pm
MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA
**MAJLIS PENGUMUMAN PROJEK PEMBINAAN TAPAK
PENEMPATAN PENJAJA DI TAMAN MERAK DAN
TAMAN PUTERI GUNUNG, SEBERANG PERAI
SELATAN**

OLEH
**YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW
KETUA MENTERI PULAU PINANG**

TARIKH / MASA / TEMPAT
**25 JULAI 2023 (SELASA)
9.15 PAGI**

**JALAN MERAK DUA, TAMAN MERAK &
JALAN PUTERI GUNUNG
SEBERANG PERAI SELATAN**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat PagI dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini dalam **Majlis Pengumuman Projek Pembinaan Tapak Penempatan Penjaja di Taman Merak & Taman Puteri Gunung, Seberang Perai Selatan.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang kerana sudi hadir serta merasmikan program pada pagi ini.
3. Sebahagian besar penjaja tanpa lesen telah menjalankan aktiviti penjajaan di sekitar kawasan Taman Merak dan Taman Puteri Gunung, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang dan sebahagian daripada mereka telah menjalankan perniagaan lebih daripada 10 tahun.

4. MBSP telah mengambil tindakan penguatkuasa melalui pemberian notis dan mengenakan kompaun di atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa permit di sekitar kawasan Taman Merak dan Taman Puteri Gunung, Seberang Perai Selatan. Walau bagaimanapun, MBSP berpandangan tindakan penguatkuasaan sahaja tidak dapat menyelesaikan isu penjaja tanpa lesen tersebut. Sehubungan dengan itu, untuk membantu dan menyelesaikan isu penjaja tanpa lesen, MBSP telah menjalankan bincian penjaja bagi mendapatkan maklumat terperinci penjaja dan seterusnya menyusun semula aktiviti penjajaan di sekitar kawasan tersebut.
5. Justeru, MBSP telah mencadangkan pelaksanaan pembinaan tapak penempatan penjaja di kawasan Jalan Merak 2, Taman Merak dan di persimpangan Jalan Puteri Gunung, Taman Puteri Gunung, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang bagi pembinaan penempatan semula penjaja.
6. Kos keseluruhan program ini adalah RM693,000.00. Tarikh mula kerja adalah pada 01 Ogos 2023 dengan tempoh pelaksanaan selama 28 minggu, iaitu sehingga 12 Februari 2024.

7. Keseluruhan tapak penjaja yang akan dibina adalah sebanyak 65 unit, iaitu 40 unit tapak di Taman Merak dan 25 unit di Taman Puteri Gunung. Tapak penjaja yang disediakan adalah menggunakan konsep terbuka berbumbung bersaiz 10' x 10' dengan pembinaan lantai konkrit. Walau bagaimanapun kemudahan bekalan air dan elektrik tidak disediakan. Skop kerja juga akan melibatkan kerja baikpulih longkang, kerja pemasangan papan tanda, kerja baikpulih jalan dan kerja pembinaan tempat letak kenderaan.
8. Bilangan penjaja dalam rekod bincian pelesenan yang terlibat dalam program penempatan semula ini adalah 11 orang dari sekitar Taman Merak dan 20 orang dari sekitar Taman Puteri Gunung. Lebihan petak yg disediakan akan diiklankan untuk pengisian melalui sesi temuduga dan mengikut prosedur sedia ada.
9. MBSP berharap dengan adanya projek ini dapat membantu penjaja dalam menjana pendapatan dengan keadaan yang lebih selesa dan teratur.

10. Sebagai mengakhiri kata-kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Yang Amat Berbahagia Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, dan tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada hari ini untuk menjayakan program ini.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.*